

30/10/2003

SMK Hosba cipta sajak khas untuk PM

PENYEDIAAN skrol watakah sepanjang 30 meter yang ditandatangani lebih 900

warga Sekolah Menengah Kebangsaan Hosba (SMKH) Jitra, Kedah membuktikan pelajar juga tidak mahu ketinggalan untuk menghargai sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Skrol yang turut tertera sajak khas berjudul "Buat Perdana Menteri" sempena persaraan Perdana Menteri esok akan diserahkan sebagai tanda kenangan daripada warga SMKH yang begitu mengagumi kepemimpinannya selama 22 tahun.

Pengetua SMKH, Encik Abu Bakar Yaakub, berkata di samping menghargai Perdana Menteri, penyediaan skrol itu juga menyemarakkan semangat patriotik di kalangan pelajar dan warga sekolah berkenaan.

"Kalau boleh skrol watakah itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebelum beliau bersara dan kalau tidak berkesempatan ia tetap akan diserahkan apabila ada peluang untuk berbuat demikian," katanya.

Penyelaras projek, Mohd Indra Ismail, berkata mereka mengambil masa selama seminggu untuk menyiapkan skrol berkenaan.

Seorang pelajar yang ditemui Asni Farlina Asri mengakui ramai di kalangan pelajar mengagumi Dr Mahathir tetapi tidak ada ruang untuk mencurahkan perasaan itu.

"Melalui pendekatan yang dilaksanakan sekolah, kami berasa begitu terharu kerana kesemua tandatangan yang tertera di skrol ini akan disampaikan kepada pemimpin kesayangan," katanya.